

**Tiada risiko keselamatan di apron jalan rayap pesawat di klia2, kata MAHB**  
**Malaysian Insider**  
**Mei 20, 2014**  
**Oleh Md Izwan**

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) berkata tiada risiko keselamatan di apron jalan rayap pesawat yang akan mengganggu kelancaran penerbangan di klia2.

MAHB yang bertanggungjawab dalam pembinaan klia2 berdepan tekanan selepas pendedahan media mengenai beberapa masalah yang timbul, antaranya tanah mendap, takungan air dan beberapa isu lain.

"Kami ingin ulang sekali lagi ia tidak beri kesan kepada operasi sebarang kerana klia2 memiliki ruang meletak pesawat yang banyak untuk memenuhi keperluan pergerakan pesawat," kata MAHB dalam satu kenyataan hari ini.

The Malaysian Insider hari ini melaporkan apron jalan rayap pesawat dan parkir pesawat mendap secara perlahan-lahan disebabkan hujan lebat dan impak daripada ratusan pesawat yang mendarat dan berlepas di terminal baru itu.

Sumber daripada industri penerbangan memberitahu The Malaysian Insider terdapat "takungan air" di pelantar lapangan terbang pada Ahad lalu selepas hujan turun dengan lebat.

Sumber juga memberitahu, wujud laporan daripada beberapa individu yang menaiki AirAsia Airbus berkapasiti 320 penumpang mengadu pesawat bergerak atas jalan berlekuk walaupun mempunyai sistem menghalang roda daripada berpusing.

Isu yang terketut juga menyebabkan pemilik AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes membidas MAHB dan menggangap seolah-olah mereka dibuli.

Fernandez dalam akaun Twitter berkata:"Kami tidak boleh pakai mesin daftar masuk sendiri, tidak boleh mempromosikan jenama kami. Adakah ini satu bentuk kerjasama kepada penerbangan yang banyak menyumbang kepada pertumbuhan industri?"

Fernandez kemudian menambah: "Berulang kali saya katakan. Lapangan terbang Malaysia perlu sedar sistem penerbangan yang menjana

perkembangan mereka. Mereka perlu bekerjasama dengan syarikat penerbangan, bukan membuli mereka."

MAHB menjelaskan isu takungan di pelantar seperti yang dibangkitkan sedang diteliti dan ditangani oleh pihaknya.

"Kami bersiap sedia dengan penyelesaian yang jelas dan mampan untuk menyelesaikan isu ini," kata MAHB.

Dalam pada itu, susulan pendedahan dan pertikaian yang mendapat perhatian umum tersebut, MAHB menggesa pihak AirAsia supaya menggunakan saluran yang sewajarnya bagi menyatakan rasa tidak puas hati.

"Kami kecewa walaupun usaha untuk bekerjasama dan peluang untuk mengadu mengikut saluran yang betul, isu ini dibangkitkan menerusi saluran yang salah.

"Bagi pihak Malaysia Airports, kami bersetuju isu operasi dan keselamatan yang dibangkitkan AirAsia dibuat menerusi saluran yang betul, oleh itu kami juga harap mereka buat perkara sama," kata MAHB.

Sebelum ini, AirAsia juga menghadapi kesukaran sebelum berpindah masuk ke klia2 apabila membangkitkan persoalan mengenai keselamatan landasan yang berlekuk dan laluan teksis.

Bagaimanapun, seminggu sebelum pembukaan rasmi klia2 pada 2 Mei lalu, pemeriksaan kemudahan yang dijalankan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa kemudiannya memberikan lampu hijau kepada MAHB untuk memulakan operasi. – 20 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiada-risiko-keselamatan-di-apron-jalan-rayap-pesawat-di-klia2-kata-mahb>